

08/08/2003

Usaha perangi keganasan mesti hingga ke akar umbi

Ezaruudin Abdul Rahman

TRAGEDI letupan di Hotel JW Marriott di Jakarta, Selasa lalu bukan saja mencetuskan kisah duka kepada rakyat Indonesia, malah seluruh dunia. Selepas kejadian bom di Bali Oktober tahun lalu, Indonesia sekali lagi diancam keganasan dan rakyatnya kini mengalami tekanan psikologi apabila berada dalam bangunan. Malah, jika ada kenderaan diletakkan di luar bangunan untuk sementara waktu, orang ramai pasti bimbang kemungkinan kenderaan itu membawa bom.

Kejadian terbaru ini adalah di antara tindakan zalim kumpulan pelampau yang kini semakin terdesak berikutan usaha pemerintah Indonesia mengekangnya. Mereka sanggup bertindak apa saja untuk mencapai niat mereka, walaupun ia mengorbankan nyawa.

Tragedi yang mengorbankan 14 nyawa dan ramai lagi yang cedera itu akan menyebabkan pelancong asing dan pelabur takut untuk ke Indonesia. Ini secara tidak langsung akan menjejaskan ekonomi republik itu ketika pemimpinnya sedang berusaha menarik pelabur dan pelancong ke negaranya.

Apa yang pasti, letupan di hotel lima bintang itu dilakukan oleh mereka yang mempunyai sikap benci, marah dan ingin membalas dendam. Ia adalah satu cubaan untuk menghuru-harakan keadaan dan menarik perhatian dunia kepada Indonesia. Mereka sudah lupa kewarasan fikiran dan bertindak di luar kawalan kemanusiaan.

Kita bersyukur kerana Malaysia bebas daripada kegiatan keganasan. Ini kerana kerajaan berjaya membasmi kegiatan penganas pada peringkat awal lagi. Kumpulan militan seperti al-Ma'unah dan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) berjaya dilumpuhkan berikutan pencegahan awal yang dilaksanakan kerajaan.

Walaupun tindakan kerajaan itu dianggap sebagai sandiwara oleh Pas, ia wajar diberi pujian kerana berjaya mencegah kejadian lebih buruk daripada berlaku. Pas sepatutnya berterima kasih dengan ketegasan kerajaan itu, bukan menjadikannya isu politik serta menjajanya dalam ceramah mereka untuk menarik perhatian orang ramai.

Sebenarnya, kaedah dan pendekatan kerajaan dalam menangani isu keganasan sudah mendapat pelbagai pujian, termasuk dari Setiausaha Agung dan Ketua Eksekutif sebuah pertubuhan hak asasi manusia, Civicus-World Alliance for Citezen Participation, Kumi Naidoo dan Pengarah RAND, sebuah organisasi percambahan pendapat berpangkalan di Washington, Bruce Hoffman, ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menghadiri Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland, baru-baru ini.

Sememangnya, kaedah menangani keganasan perlu dibuat hingga ke akar umbi tanpa kompromi. Hasil usaha kerajaan, rakyat Malaysia bebas bergerak dan boleh melakukan pelbagai aktiviti. Mereka tidak perlu bimbang untuk menaiki pesawat, menghadiri jamuan di hotel besar dan mengunjungi kawasan tumpuan ramai. Rakyat Malaysia mampu hidup dalam suasana ceria dan makmur.

Sehubungan itu, kita harus bersama-sama dengan kerajaan untuk memastikan kegiatan penganas dapat dilumpuhkan. Penerapan nilai murni serta semangat penyayang di kalangan rakyat Malaysia harus diteruskan bagi memastikan mereka menolak keganasan dan cintakan keamanan.

Mereka yang menyertai kumpulan penganas adalah orang yang mempunyai masalah peribadi dan keluarga. Institusi keluarga yang kukuh akan mencegah masyarakat daripada terhasut dengan dakyah kumpulan penganas. Sikap saling menyayangi akan memupuk rasa tanggungjawab untuk menjaga keamanan negara.

Kerajaan sentiasa mengadakan pelbagai program bagi membentuk sikap positif dan patriotisme yang tinggi. Kempen yang positif akan melahirkan insan yang bertanggung jawab.

Kerajaan bijak menguruskan hal ehwal rakyat dengan kaedah dan pendekatan yang bijak. Rakyat Malaysia tidak pernah bertindak di luar kawalan seperti melakukan serangan berani mati.

Institusi kekeluargaan yang kukuh akan mencegah masyarakat melakukan tindakan yang bodoh itu. Ini kerana hanya keluarga yang kukuh dapat melahirkan masyarakat yang positif dan penyayang.

Kita seharusnya berganding bahu membasmi kegiatan pengganas. Kawalan dan langkah keselamatan yang standard perlu dilaksanakan di semua kawasan strategik negara bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini daripada berlaku.

EZARUUDIN ABDUL RAHMAN,
Timbalan Presiden,
Persatuan Pemuda Negara Malaysia.